

PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA PEMBANTU FARMASI

Kod Skim Latihan (4533)

Pembantu Farmasi adalah anggota dalam pasukan penjagaan kesihatan yang membantu memberi penjagaan farmaseutik kepada pelanggan di bawah penyeliaan Pegawai Farmasi.

DESKRIPSI TUGAS

Seorang Pembantu Farmasi akan ditempatkan samada di Hospital, Pusat Kesihatan atau Poliklinik. Seorang Pembantu Farmasi yang terlatih akan menjalankan tugas-tugas seperti berikut :

- Mengindin dan menerima, menyimpan dan mendispen ubat-ubatan dalam perkhidmatan kaunter.
- Menyediakan/membancuh persediaan ubat-ubatan perubatan.
- Menyediakan dan membekal persediaan farmaseutikal ke wad dalam perkhidmatan wad farmasi/satelit farmasi.

KURIKULUM LATIHAN PEMBANTU FARMASI

Tempoh Latihan : 3 tahun (6 semester) meliputi subjek seperti berikut :-

- | | |
|---------------------|---------------------------------------|
| • Kimia Asas | • Farmakologi |
| • Amalan Farmasi | • Sains Tingkah Laku |
| • Biologi | • Mikrobiologi Farmaseutik |
| • Mikrobiologi Asas | • Farmasi Klinikal Asas |
| • Fisiologi Asas | • Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| • Bahasa Inggeris | |
| • Farmaseutik | |



SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Lelaki / Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan
- Kelayakan :
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

B. KEUTAMAAN PEMILIHAN

Kursus Diploma Pembantu Farmasi, Gred U29 Skim Latihan (4533).

- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

